PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	BUKAN LISAN
DARIPADA	:	DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA
KAWASAN	:	TASEK GELUGOR
TARIKH	:	10.11.2017 (JUMAAT)
NO. SOALAN	:	9

Datuk Haji Shabudin Bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan apakah perancangan strategik Kerajaan untuk tingkatkan kesedaran di kalangan pemain industri tentang peluang pelaburan serta kemudahan sebagai langkah membantu syarikat tempatan dalam proses transformasi teknologi selaras untuk membangunkan Industri 4.0.

Jawapan

Tuan Yang Di Pertua,

Pada masa ini, Kerajaan telah melaksanakan pelbagai sesi program kesedaran dengan izin, *outreach programs* secara kolaborasi antara Kementerian-kementerian seperti Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Kementerian Sains, Teknologi dan Invasi (MOSTI), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Kementerian Sumber Manusia (KSM) bagi meningkatkan tahap kesedaran mengenai kepentingan Industri 4.0 dalam kalangan pihak penjawat awam, pemain industri, akademia dan para pelajar universiti dan kolej serta orang

awam. Di antara program-program kesedaran yang telah dilaksanakan adalah:

(i) persidangan Pembangunan dan Peluang Rantaian Bekalan Antara syarikat Multinasional dan Pengusaha Kecil dan Sederhana pada 15 Disember 2016;

(ii) seminar Pengeluaran Pintar dan Teknologi Automasi pada 12 Januari 2017;

(iii) seminar berhubung Peluang Perniagaan dalam Pengeluaran Pintar pada 21 Februari 2017;

(iv) Seminar Industri 4.0 pada 2 Mei 2017 yang telah dihadiri oleh kira-kira 550 orang peserta dari pelbagai kementerian dan agensi Kerajaan, industri pembuatan dan perkhidmatan, universiti dan institusi penyelidikan dan latihan;

(v) Seminar Industri 4.0 untuk Pegawai Kerajaan dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang telah diadakan pada 15 Jun 2017;

(vi) Seminar mengenai Industri 4.0 dan Zon Perdagangan Bebas Digital (DFTZ) di Kompleks Pentadbiran Persekutuan, Kota Kinabalu, Sabah pada 14 September 2017; dan

(vii) Seminar Revolusi Perindustrian Keempat dan Pendidikan 2017 anjuran Majlis Profesor Negara (MPN) dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) pada 1 November 2017.

Sejajar dengan arus Industri 4.0, Kerajaan sentiasa menggalakkan pengaplikasian teknologi terkini berteraskan Industri 4.0 agar syarikat-syarikat dapat meningkatkan kecekapan, produktiviti, kualiti dan memenuhi permintaan pengguna serta memendekkan kitaran hayat produk yang dihasilkan serta dapat kekal berdaya saing di peringkat domestik serta global. Sehubungan itu, Kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dengan kerjasama Kementerian lain dan pihak berkaitan sedang bekerjasama menggubal Kerangka Kerja Dasar Nasional Industri 4.0 bagi:

(i) meningkatkan sumbangan sektor pembuatan kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK);

(ii) meningkatkan produktiviti dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan berkaitan pembuatan untuk mencapai kecekapan kos optimum;

(iii) meningkatkan eksport barangan bernilai tambah tinggi dan kompleks;

(iv) meningkatkan keupayaan Malaysia sebagai pembekal teknologi dan penyelesaian (*solutions*) industri;

(v) menyumbang kepada 45% pengurangan emisi GHG (*greenhouse gas*) menjelang 2030; dan

28

(vi) mewujudkan peluang-peluang pekerjaan yang berpendapatan tinggi.

Kerangka Kerja Dasar ini akan mengambilkira semua aspek termasuk kemudahan infrastruktur dan ekosistem, pembiayaan dan insentif, teknologi dan standard, jenis-jenis pekerjaan baharu yang mungkin muncul, penyediaan bekalan modal insan yang mencukupi serta peningkatan kesedaran dan pengaplikasian Industri 4.0. Kerangka Kerja Dasar Nasional Industri 4.0 ini dijangka akan dimuktamadkan pada suku pertama tahun 2018.

Bagi membantu syarikat tempatan dalam proses transformasi teknologi ke arah Industri 4.0, Kerajaan dalam Bajet 2018 telah mengumumkan beberapa insentif iaitu:

(i) Geran Sepadan di bawah DISF berjumlah RM245 juta untuk menaik taraf kemudahan *Smart Manufacturing;*

(ii) Elaun Modal Dipercepatkan dan Elaun Modal Kelengkapan Automasi untuk RM10 juta pertama bagi perbelanjaaan modal yang layak pada tahun taksiran 2018 hingga 2020;

(iii) Insentif Elaun Modal untuk peralatan ICT bermula 2018-2020; dan

(iv) Dana RM1 bilion dalam bentuk 70% jaminan pinjaman oleh Kerajaan untuk PKS beralih ke proses automasi.